

## **Ucapan Aluan Pengarah**

Bismillahirrahmaanirrahim, alhamdulillah saya diberi peluang untuk memberi sedikit ucapan di dalam ruangan ini, iaitu ruangan pembinaan produk Inovasi Digital, yang merupakan tugas projek bagi pelajar PISMP Ambilan Jun 2015. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam mengurus dan melaksanakan tugas dalam kursus ini, khususnya kepada penyelaras kursus serta pensyarah yang mengajar kursus ini. Kepada para pelajar PISMPambilan Jun 2015, setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan atas inovasi dan kreativiti anda dalam bentuk digital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ini menepati senario pendidikan alaf baru ini yang berkehendakkan para guru mahir dan mampu menguasai alam pendidikan serta teknik penyampaian pengajaran yang selari dengan minda dan keperluan pelajar di sekolah, apatah lagi dalam era digital yang memerlukan komunikasi serta kolaborasi dilaksanakan dalam bentuk digital juga.

Melahirkan pelajar yang cemerlang dan kompeten untuk mencapai standard kualiti untuk merealisasikan aspirasi negara merupakan hasrat kerajaan yang perlu diambil perhatian oleh semua warga pendidik yang berada dalam era teknologi digital ini. Pelbagai usaha harus dilakukan untuk menjadikan pelajar sebagai peneroka ilmu dan bukan pengikut bagi mempersiapkan generasi muda dengan keperluan Revolusi Industri 4.0. Pendidikan masa kini perlu bersifat dinamik dan progresif. Justeru persekitaran digital telah banyak mengambil alih peranan sesuatu institusi dalam menyampaikan mesej baru serta menyalurkan ilmu kepada masyarakat terutamanya para pelajar. Ini bertepatan dengan Transformasi Pendidikan ke arah meningkatkan inisiatif digital dan komunikasi maya yang ditekankan kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk merangsang ekonomi digital, usahawan digital serta pendidikan digital yang dinamik bagi melahirkan masyarakat cemerlang, kompeten dan berilmu untuk mencapai standard kualiti dalam merealisasikan aspirasi negara.

Sekian terima kasih

**(JAMIRAN BIN SALAM)**

Pengarah

Institut pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

